

# ***STATUS QUO* HIBAH DALAM PENYELESAIAN PERTIKAIAN HARTA DI MAHKAMAH MALAYSIA**

***(The Status Quo of Hibah in Property Dispute Settlement in  
Malaysian Courts)***

Ruzian Markom\*  
ruzian@ukm.edu.my

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif  
izzatamsyar@uitm.edu.my

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):\*

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Ruzian Markom & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. (2022). *Status quo* hibah dalam penyelesaian pertikaian harta di Mahkamah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2), 277-300. [https://doi.org/10.37052/kanun.34\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.34(2)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	13/9/2021	Semakan: <i>Revised</i>	29/10/2021	Terima: <i>Accepted:</i>	13/5/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	5/7/2022
------------------------------	-----------	----------------------------	------------	-----------------------------	-----------	---	----------

## **Abstrak**

Dalam usaha mencapai kesejahteraan ummah, pengurusan kekayaan menerusi pelbagai instrumen perancangan harta adalah penting. Makalah ini mengkaji status quo hibah di Malaysia yang meliputi aspek amalan, punca kuasa, bidang kuasa dan keputusan mahkamah dalam kes yang berkaitan dengan hibah. Kajian perundangan ini berbentuk kualitatif menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan pengambilan data kajian menerusi pelbagai buku, jurnal dan dokumen perundangan, seperti akta Parlimen, enakmen negeri-negeri dan resolusi syariah. Kajian ini menganalisis enam tema, iaitu penentuan elemen hibah, hadiah dan sedekah, niat hibah tanpa lafaz ijab dan kabul, kabul menerusi perbuatan tanpa lafaz, pemilikan sempurna *al-mauhub*, *sighah* ijab dan kabul secara elektronik; dan *qabd* dalam pemberian hibah. Hasil kajian ini mendapati bahawa amalan hibah di Malaysia terbahagi kepada kontrak hibah bukan komersial dan kontrak hibah komersial. Sungguhpun perkara hibah diletakkan di bawah Senarai 2 Jadual

Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, konflik bidang kuasa boleh tercetus berdasarkan perkembangan aplikasi konsep dan kontrak hibah kontemporari. Pada akhir kajian, disimpulkan bahawa semua kes yang berkaitan dengan kontrak hibah bukan komersial adalah tertakluk pada bidang kuasa mahkamah syariah, manakala kes kontrak hibah komersial pula akan dibicarakan dan diputuskan di mahkamah sivil. Pada peringkat mahkamah syariah, wujud kelompangan besar dan perbezaan pendekatan keputusan oleh mahkamah yang memutuskan keabsahan hibah disebabkan oleh ketiadaan perundangan statut yang menjadi piawai. Makalah ini juga mengemukakan cadangan penggubalan undang-undang hibah yang bersifat spesifik, holistik dan komprehensif sebagai panduan dan penyelarasan hibah di Malaysia.

Kata kunci: Penyelesaian pertikaian, hibah, komersial, mahkamah, harta, bidang kuasa

### **Abstract**

*In achieving the well-being of the ummah, wealth management through various property planning instruments is important. This article examines the status quo of hibah in Malaysia, including practices, sources of authority, jurisdiction, and court decisions in hibah-related cases. This legal study is qualitative in nature and employs a descriptive analysis, which involves collecting data through various books, journals, and documents of legal texts such as Parliamentary acts, state enactments, and Shari'ah resolutions. Together with six themes of analysis, a concept is formulated based on the references and analysis of decided court cases. It is found that Malaysia's hibah practices are separated into two categories, subject to different sets of laws and courts: non-commercial grant contracts and commercial grant contracts. Although hibah is enumerated under List 2 of the Ninth Schedule of the Federal Constitution, conflicts of jurisdiction may arise through the development of contemporary concepts of hibah and contract implementation. The findings show that all cases related to non-commercial hibah contracts are subject to the Syariah Court's jurisdiction. In contrast, commercial hibah contract cases will be decided in the Civil Courts. As a result of the lack of standard statutory legislation at the Syariah Court, a large lacuna exists and various approaches are adopted in determining the validity of hibah. It is recommended that a specific, holistic and comprehensive hibah legislation be enacted to standardize and coordinate hibah in Malaysia.*

*Keywords: Dispute settlement, hibah, comercia, court, property, jurisdiction*

## PENGENALAN

Pengurusan kekayaan adalah suatu perkara yang penting untuk kelestarian harta untuk mencapai kesejahteraan ummah. Terdapat beberapa instrumen pengurusan kekayaan, termasuklah hadiah, hibah, wasiat, Surat Kuasa Wakil dan Surat Ikatan Amanah yang telah dilaksanakan di Malaysia. Setiap instrumen mempunyai implikasi berbeza berdasarkan keperluan pemilik harta. Makalah ini memfokuskan analisis amalan dan pelaksanaan hibah di Malaysia menerusi penelitian aspek perundangan dan keputusan mahkamah dalam kes yang berkaitan dengan hibah.

## KONSEP HIBAH DAN AMALAN DI MALAYSIA

Hibah ialah kontrak satu pihak (*unilateral*). Kontrak pemberian memberikan penerima manfaat dan hadiah bukan tanggungjawab. (al-Zuhayli, 1989; Amir Husin *et al.*, 2018) telah mendefinisikan hibah sebagai pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup dan dilakukan secara sukarela. Penerima kontrak menjadi pemilik secara sukarela (al-Sharbini, 1995). Kontrak ini juga dikenali sebagai kontrak pemindahan hak milik (al-Khin, *et al.*, 1987). Pemberian dibuat oleh penghibah kepada ahli waris dan sebaliknya. Kadar pemberian pula tidak terhad. Oleh sebab itu, pemberiannya tertakluk pada rukun hibah yang mesti dipenuhi. Hibah atas harta yang dimiliki boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja kepada penerima yang dikehendaki (Alias *et al.*, 2014).

Menurut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, hibah ialah “penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam” [Seksyen 47(2)(b) (iv) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982; Seksyen 61(3)(b)(iv) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; Seksyen 61(3)(b)(iv) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003].

Terdapat empat perkara dalam rukun hibah, iaitu pihak yang memberikan hibah (*al-wahib*), pihak yang menerima hibah (*al-mauhub lahu*), aset yang dihibah (*al-mauhub*) dan lafaz kontrak (al-Khin *et al.*, 1987). Keempat-empat elemen ini dipertimbangkan dalam penghakiman dalam mana-mana kes hibah. Permohonan hibah sah apabila memenuhi elemen tersebut. Merujuk undang-undang di Malaysia, pelbagai terminologi digunakan untuk merujuk kata hibah, meskipun berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, kata “pemberian” telah diguna pakai.


**Jadual 1** Penggunaan terminologi yang bermaksud hibah di Malaysia.

<b>Negeri</b>	<b>Statut</b>	<b>Terminologi</b>
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	hibah
Sabah	Enakmen Mahkamah Syariah 2004	alang semasa hidup (hibah)
Sarawak	Ordinan Mahkamah Syariah 2001	alang semasa hidup (hibah)
Kelantan	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982	alang hayat (hibah)
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991	pemberian semasa hidup
Kedah	Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008	alang semasa hidup
Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	alang semasa hidup
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	alang semasa hidup
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	alang semasa hidup
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	alang semasa hidup
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	alang semasa hidup
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	alang semasa hidup
Terengganu	Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001	alang semasa hidup
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	alang semasa hidup

Berdasarkan Jadual 1, kata “hibah” hanya digunakan di Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak dan Kelantan. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, kata hibah digunakan sebagai penjelasan yang merujuk terminologi “alang semasa hidup”. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 pula merujuk hibah sebagai “alang hayat”. Selain itu, undang-undang negeri di Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak menggunakan istilah “alang semasa hidup”. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 bagi negeri Pahang pula mengambil pendekatan menggunakan kata “pemberian” seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menurut mazhab Syafii, hibah dibahagikan kepada dua kategori (Nasrul Hisyam, 2009). Pertama, hibah dari perspektif umum yang merangkumi hadiah, sedekah dan *ibra'* (pelepasan hutang oleh pemiutang kepada penghutang). Selanjutnya ialah pemberian tanpa balasan. Oleh sebab itu, dalam konteks perundangan negara, terminologi hibah merujuk definisi yang kedua.

Berdasarkan sistem faraid, harta pusaka hanya akan diagihkan kepada waris si mati. Maka, selain wasiat, hibah ialah penyelesaian bagi agihan pemberian harta kepada bukan waris. Perkembangan kontemporari menyokong hibah secara hibrid sebagai instrumen dalam sektor kewangan Islam, termasuklah perbankan, takaful dan pengamanahan (Rusni & Nor Azdilah, 2020; Alias *et al.*, 2014). Evolusi kontrak hibah kontemporari ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah1** Evolusi kontrak hibah kontemporari.

Dalam Garis Panduan Ijarah Bank Negara Malaysia, perenggan 22.2 dan 22.3, dinyatakan bahawa kaedah pemindahan pemilikan aset pada penghujung tempoh pajakan boleh dilaksanakan dengan cara penjualan, hibah bersyarat atau perjanjian (*wa'ad*) untuk hibah. Selain itu, merujuk Akta Tabung Haji 1995, simpanan wang pendeposit di Tabung Haji adalah berdasarkan konsep *wadiah yad dhamanah*. Oleh sebab itu, Tabung Haji boleh mengisytiharkan “dividen” menerusi akad hibah berdasarkan kemampuan kewangan pada tahun semasa. Syarikat pengendali takaful serta amanah juga telah banyak menawarkan produk berasaskan hibah, iaitu hibah takaful dan hibah amanah. Hibah takaful ialah instrumen pengurusan harta berlandaskan prinsip hibah bersyarat dalam bentuk nilai pampasan takaful kepada penama yang telah ditetapkan oleh peserta setelah kematiannya (Ain Najihah, 2014). Hibah takaful ialah satu pilihan yang diberikan kepada peserta takaful berkaitan dengan kaedah agihan manfaat takaful menerusi kaedah hibah. Hak manfaat takaful tersebut akan diberikan kepada penama yang dinamakan setelah kematian peserta takaful. Merujuk Perenggan 2 Jadual ke-10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, penawaran produk hibah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, peserta takaful yang berusia 16 tahun ke atas dibenarkan untuk membuat penamaan penerima manfaat atau pentadbir dengan bebas. Peserta takaful boleh menghibahkan faedah atau pampasan kewangan tersebut secara bersyarat kepada benefisiari tertentu berdasarkan pilihannya menggunakan dana tabarak dan bukannya dana pelaburan, supaya pampasan atas kematiannya dibayar kepada benefisiari yang dipilihnya (Mohd Kamil & Joni Tamkin, 2017). Hibah amanah pula merujuk perkhidmatan pengurusan harta yang disediakan oleh Permodalan Nasional Berhad, Tabung Haji dan Amanah Raya Berhad kepada pemegang unit/deposit amanah beragama Islam dan menerapkan konsep hibah dan amanah dalam pengurusan harta. Unit amanah yang dihibahkan akan dipindah milik kepada penerima selepas kematian pemegang unit (pemberi). Bahkan, kini terdapat institusi perbankan Islam yang bekerjasama dengan syarikat amanah untuk menawarkan hibah amanah; iaitu Bank Islam Malaysia Berhad bersama-sama dengan Amanah Raya Berhad (Dokumen hibah Amanahraya) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan As-Salihin Trustee Berhad (Pra-Hibah atau Deklarasi Dokumen Hibah) (Rusni & Nor Azdilah, 2020).

## UNDANG-UNDANG HIBAH DI MALAYSIA

Tidak ada undang-undang khusus untuk pemberian secara hibah (Alias & Mohd Zakhiri, 2019). Merujuk hibah dalam konteks bukan komersial ini; iaitu kontrak pemberian harta oleh pemberi hibah kepada benefisiari, tiada statut khusus dikanunkan di Malaysia sehingga kini. Peruntukan tentang hibah yang ada dalam enakmen hanya menyentuh peruntukan berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah syariah terhadap kes hibah. Dalam konteks hibah, semua undang-undang statut tersebut tidak menjelaskan secara langsung tentangnya secara jelas dan terperinci.


Bagi meneliti undang-undang berkenaan hibah yang berkuat kuasa di Malaysia, adalah penting untuk dijelaskan terlebih dahulu amalan hibah yang diamalkan di Malaysia. Hibah boleh dibahagikan kepada dua kategori. Setiap kategori hibah tertakluk pada set undang-undang dan mahkamah yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

### (a) Kontrak hibah bukan komersial (klasik)

Oleh sebab ketiadaan undang-undang substantif hibah yang dikodifikasikan dalam mana-mana undang-undang negeri, isu hibah dalam mana-mana kes di mahkamah syariah akan dirujuk kepada hukum syarak. Oleh sebab itu, penentuan kesahihan atau pembatalan pemberian akan dihujahkan berdasarkan sumber bagi hukum syarak ini. Menurut Mohd Zamro (2009), ketiadaan peruntukan hibah boleh mengakibatkan salah faham, serta menjejaskan kredibiliti dan kewibawaan mahkamah syariah.

### (b) Kontrak hibah komersial (kontemporari)

Kontrak hibah komersial berasaskan produk pengurusan harta yang ditawarkan oleh syarikat pengendali takaful atau amanah. Bagi hibah



**Rajah 2** Kategori kontrak hibah.

takaful, pelaksanaannya berlandaskan Seksyen 142 dan Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Oleh hal yang demikian, amalannya tertakluk pada Akta ini, di samping kewajipan pematuhan terhadap resolusi syariah oleh Majlis Penasihat Syariah (Seksyen 55 Akta Bank Negara 2009). Namun begitu, instrumen hibah amanah tidak dikawal selia oleh mana-mana akta statutori seperti hibah takaful. Pelaksanaannya berdasarkan Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Syarikat Amanah 1949 berasaskan keputusan Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat ke-56 pada 5 Oktober 2000 (Rusni & Nor Azdilah, 2020). Seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah mewajibkan supaya pengoperasian mematuhi kehendak syariah; bermula daripada peringkat pembangunan dan pelaksanaan produk kewangan Islam sehingga pada peringkat penyelesaian pertikaian di mahkamah. Oleh sebab itu, Majlis Penasihat Syariah telah ditubuhkan menerusi Seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk membuat pemastian hukum syarak bagi isu syariah yang timbul di mahkamah sivil (Mohd Izzat Amsyar, 2020). Oleh sebab itu, aplikasi kontrak hibah dalam industri kewangan Islam dilaksanakan menerusi resolusi syariah Bank Negara Malaysia.

## **PUNCA KUASA HIBAH DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA**

Merujuk Butiran 1 Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, perkara tentang “pemberian”; iaitu hibah diletakkan dalam bidang kuasa negeri:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat ... (pengecualian petikan daripada Perlembagaan )

Petikan ini jelas menunjukkan pengurusan hibah yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan mahkamah syariah. Seterusnya, Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perkara yang telah disenaraikan dalam Jadual Kesembilan tersebut. Perkara 74(2) menyatakan:



Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”(pengecualian petikan dari Perlembagaan

**Jadual 2** Peruntukan kuasa mahkamah tinggi syariah negeri berkaitan dengan hibah.

<b>Negeri</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Statut</b>
Kedah	Seksyen 13(3)(b)(iv)	Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
Wilayah Persekutuan	Seksyen 46(2)(b)(iv)	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
Johor	Seksyen 61(3)(b)(iv)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
Melaka	Seksyen 49(3)(b)(iv)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
Pulau Pinang	Seksyen 61(3)(b)(iv)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
Perak	Seksyen 50(3)(b)(vi)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
Selangor	Seksyen 61(3)(b)(iv)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
Terengganu	Seksyen 11(3)(b)(iv)	Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001
Negeri Sembilan	Seksyen 61(3)(b)(iv)	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
Sabah	Seksyen 11(3)(b)(iv)	Enakmen Mahkamah Syariah 2004
Sarawak	Seksyen 10(3)(b)(iv)	Ordinan Mahkamah Syariah, 2001
Pahang	Seksyen 47(2)(b)	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991

Jadual 2 menunjukkan pemberian hibah yang berada di bawah bidang kuasa negeri berdasarkan punca kuasa Enakmen. Nasrul Hisyam (2008) berpandangan bahawa mahkamah syariah adalah paling sesuai untuk mengendalikan kes hibah berdasarkan peruntukan dalam Enakmen.

## **BIDANG KUASA PERTIKAIAN HIBAH DI MAHKAMAH**

Walaupun perkara hibah didengari di mahkamah syariah, perkembangan aplikasi konsep dan kontrak hibah, persoalan berhubung dengan bidang kuasa sering ditimbulkan, khasnya apabila isu dan persoalan hibah yang dibangkitkan itu berbentuk hibah bukan komersial, yang kebiasaannya diamalkan dalam masyarakat.

Adalah jelas dan tidak dipertikai bahawa kes yang melibatkan kontrak hibah bukan komersial berada dalam bidang kuasa mahkamah syariah untuk mendengar dan memutuskan sebarang prosiding tentangnya. Dalam kes *Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2006] 4 MLJ 705, Hakim Abdul Aziz menjelaskan:

*... We cannot agree that a dispute about gifts is a dispute about probate and administration, just because it arises in the context of the administration of an estate ... It is, therefore, our finding that the subject matter of the dispute in this case, which is that of gifts inter vivos or hibah between Muslims, is not a probate and administration matter and is within the jurisdiction of the Syariah courts ... (pengecualian petikan)*

Pada peringkat mahkamah persekutuan pula, Hakim Abdul Hamid Mohamad dalam penghakiman kes *Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2007] 5 MLJ 101 menyatakan:

*In the court of Appeal, it was argued by the learned counsel for the Appellant that the applicable law was the federal law of banking and contract. This argument was rejected by the court. It held that the applicable law was the law of gifts, not the law of banking or contract. The question would then be whether the applicable law in this case is the civil law of gifts inter vivos or the Islamic law of gifts inter vivos or 'hibah' ... (petikan kes)*

Dengan ketetapan mahkamah persekutuan ini, dalam kes *Azim Tan Sri Abdul Aziz lwn Aziah Tan Sri Abdul Aziz* [2009] 6 CLJ 272, mahkamah tinggi telah sekali lagi menerima pakai kes *Latifah Mat Zin* dan mengekalkan pendirian mahkamah bahawa kes yang melibatkan isu

“*gift inter-vivos*” atau “hibah” perlu dibicarakan di mahkamah syariah, bukannya mahkamah sivil.

Dengan demikian, Nasrul Hisyam (2008) mencadangkan supaya semua isu yang berkaitan dengan pemberian komersial dibicarakan di mahkamah syariah, manakala isu yang berkaitan dengan undang-undang lain dibicarakan di mahkamah sivil berdasarkan akta yang sesuai. Namun begitu, pengkaji berpendapat bahawa sekiranya semua kes yang berkaitan dengan hibah ditetapkan secara mutlak supaya wajib diputuskan di mahkamah syariah, beberapa isu perundangan lain dapat tercetus. Hal ini berlaku apabila konsep hibah dikomersialkan menerusi produk kewangan Islam, takaful dan amanah, sudah tentu syarikat pengendali satu daripada pemegang taruh atau amanah. Bidang kuasa mahkamah syariah pula terhad untuk orang Islam sahaja (Ruzian *et al*, 2013). Peserta kontrak komersial berasaskan hibah pula terdiri daripada pelbagai agama. Selain itu, institusi perbankan Islam ialah badan korporat yang diperbadankan menerusi peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 yang tidak diiktiraf dalam mana-mana perundangan bertulis di Malaysia sebagai beragama Islam. Oleh sebab itu, adalah mustahil bahawa orang bukan Islam mahupun pihak syarikat boleh menjadi satu daripada pihak yang bertikai dalam kes yang berkaitan dengan hibah di mahkamah syariah. Hal ini dijelaskan oleh Hakim Shamsudin Hassan menerusi kes *Hussin bin Syed Mohd sebagai harta pusaka Syed Mohamed bin Syed Alwi si mati) dan lain-lain lwn Syed Salim bin Syed Alwee dan seorang lagi [2011] MLJU 775*. Mahkamah berpendirian bahawa untuk menjadikan hakim mahkamah tinggi syariah berbidang kuasa (dalam konteks ini), terdapat dua perkara yang mesti dipastikan terlebih dahulu daripada fakta kes, iaitu: (1) melibatkan isu hibah; dan (2) pihak yang bertikai ialah orang beragama Islam.

Merujuk kes *Wong Meng Lee lwn Muhammad Saufiq Wong bin Abdullah [2021] MLJU 87*, pihak responden mengetengahkan isu kesahihan hibah dan menghujahkan bahawa kes tersebut sewajarnya berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Namun begitu, mahkamah mendapati bahawa persoalan utama dalam kes tersebut adalah berhubung dengan penyingkiran kaveat, dan isu hibah bukan keutamaan pihak perayu mahupun responden. Oleh sebab itu, forum yang paling sesuai ialah mahkamah sivil. Dalam kes *Peter Chong & Anor lwn Khatijah bt Md Ibrahim & Anor [2018] 10 MLJ 735* pula, plaintif dalam kes ini ialah seorang yang bukan beragama Islam. Antara isu yang diketengahkan termasuklah mencabar kesahihan hibah *ruqba* yang dilakukan oleh ayah defendan kepada defendan dan adik-beradiknya kerana didakwa mengandungi elemen *gharar*. Hakim

Lim Chong Foon telah merujuk Qaul Qadim Imam Syafii dan keterangan saksi pakar, Profesor Madya Dr Jasni bin Sulong dalam hal memutuskan bahawa hibah *ruqba* tersebut adalah sah.

Selain itu, sekiranya salah satu pihak yang bertikai ialah orang yang bukan beragama Islam (termasuk syarikat yang diperbadankan), kes hibah tersebut akan didengar dan diputuskan di mahkamah sivil. Dalam kes *CIMB Islamic Bank Bhd lwn LCL Corp Bhd & Anor* [2015] 8 MLJ 832, empat isu syariah telah diajukan oleh Hakim Asmabi Mohamad kepada Majlis Penasihat Syariah berdasarkan peruntukan seksyen 56(1)(b) Akta Bank Negara 2009. Dua daripadanya berkaitan dengan hibah, iaitu:

- (1) Beberapa hibah, beberapa PPA dan beberapa PSA yang dilaksanakan pada tarikh yang sama bagi tujuan pembiayaan keseluruhan nilai melebihi nilai sebenar aset tersebut.
- (2) Sama ada aset yang terlibat....boleh dihibahkan semula kepada pemunya asal dan digunakan sebagai cagaran bagi menjamin pembayaran pembiayaan di atas yang bernilai empat (4) kali ganda melebihi nilai asal aset tersebut.

Persoalan syariah yang diajukan ini telah dijawab dan diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah pada mesyuarat kali ke-141 bertarikh 26 November 2013. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa keabsahan suatu hibah di bawah industri kewangan Islam yang diselia dan dikawal oleh Akta Bank Negara 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tidak dirujuk ke mahkamah syariah. Sebaliknya, kes akan diputuskan di mahkamah sivil, manakala isu syariah yang berbangkit akan diajukan kepada Majlis Penasihat Syariah untuk diputuskan (Ruzian *et al*, 2013). Sebagai autoriti tunggal syariah dalam kewangan Islam, resolusi syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah adalah mengikat semua pihak dalam industri kewangan Islam berdasarkan seksyen 57 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Ruzian & Noor Inayah, 2015; Mohd Izzat Amsyar, 2013).

Namun begitu, adalah penting untuk dijelaskan bahawa bagi kes kontrak komersial berasaskan konsep hibah, hibah takaful dan hibah amanah, mahkamah dalam kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussein TM Mohamed Mydin* [2006] 5 MLJ 217 memutuskan bahawa undang-undang yang berkuat kuasa bagi perkara berkaitan amanah ialah

undang-undang sivil (dan mahkamah sivil), tanpa mengira sama ada pihak yang terlibat ialah orang Islam atau bukan Islam (Akmal & Tajul, 2017).

Hasil perbincangan ini menunjukkan bahawa kes berkaitan dengan hibah komersial mempunyai kecenderungan untuk diputuskan di mahkamah sivil. Hal ini merujuk isu utama dalam sesuatu kes, seperti kewangan dan perbankan Islam. Dalam kes tersebut, mahkamah diwajibkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk membuat rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah bagi mendapatkan suatu ketetapan dalam bentuk resolusi syariah. Resolusi syariah tersebut kemudiannya akan diaplikasikan secara mandatori ke dalam kes oleh hakim. Oleh sebab penubuhan Majlis Penasihat Syariah berpusat di Bank Negara Malaysia, bagi industri kewangan Islam, setiap ketetapan tentang suatu hukum dapat dipiawaikan untuk digunakan secara selaras di seluruh negara.

### **ANALISIS KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM KES PERTIKAIAN HIBAH**

Kes yang berkaitan dengan hibah yang dibicarakan oleh mahkamah syariah adalah berkaitan dengan isu pengesahan, pertikaian kadar dan penarikan balik pemberian; sama ada pembuktian bertulis atau saksi-saksi (Amir Husin *et al.*, 2018). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis deskriptif menerusi pencernaan data dan kaedah kepustakaan. Kaedah ini dipilih kerana merupakan pendekatan terbaik untuk mendapatkan data kajian menerusi pelbagai buku, jurnal dan dokumen teks perundangan, seperti akta parlimen, enakmen negeri-negeri, resolusi syariah dan fatwa. Keputusan hakim dalam kes dirujuk dan dianalisis untuk membangunkan kerangka konsep dan tema. Kajian ini menganalisis beberapa keputusan kes yang berkaitan dengan hibah oleh mahkamah syariah dan sivil seperti dinyatakan dalam Jadual 3.

Menerusi analisis kes, sebanyak enam tema analisis telah digariskan; iaitu: (1) penentuan elemen hibah, hadiah dan sedekah (2) niat hibah tanpa lafaz ijab dan kabul (3) kabul menerusi perbuatan tanpa lafaz (4) pemilihan sempurna *al-mauhub* (5) *sighah* ijab dan kabul secara elektronik; dan (6) *qabd* dalam pemberian hibah. Pengkaji menganalisis keputusan hakim syarie dalam kes hibah berdasarkan tema analisis seperti dalam Rajah 3.

**Jadual 3** Senarai kes berkaitan dengan hibah di mahkamah syariah dan sivil.

Forum	Nama Kes	Rujukan
Mahkamah Sivil	<i>Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun &amp; Anor</i>	[2006] 4 MLJ 705
	<i>Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun &amp; Anor</i>	[2007] 5 MLJ 101
	<i>Azim Tan Sri Abdul Aziz lwn Aziah Tan Sri Abdul Aziz</i>	[2009] 6 CLJ 272
	<i>Hussin bin Syed Mohd sebagai harta pusaka Syed Mohamed bin Syed Ahwi si mati) dan lain-lain lwn Syed Salim bin Syed Alwee dan seorang lagi</i>	[2011] MLJU 775
	<i>Wong Meng Lee lwn Muhammad Saufiq Wong bin Abdullah</i>	[2021] MLJU 87
	<i>Peter Chong &amp; Anor lwn Khatijah bt Md Ibrahim &amp; Anor</i>	[2018] 10 MLJ 735
	<i>CIMB Islamic Bank Bhd lwn LCL Corp Bhd &amp; Anor</i>	[2015] 8 MLJ 832
	<i>TM Feroze Khan &amp; Ors lwn Meera Hussein TM Mohamed Mydin</i>	[2006] 5 MLJ 217
Mahkamah Syariah	<i>Muhammad bin Awang &amp; Lain-lain lwn Awang bin Deraman &amp; Lain-lain</i>	[2001] JH 24 (2) 165
	<i>HH &amp; Ors v HS</i>	[2019] 3 SHLR 11
	<i>Harun Muda dan lain-lain lwn Mandak Mamat</i>	[1999] 1 JH 63
	<i>Ainun bt Arifin lwn Maria bt Arifin &amp; Ors</i>	[2012] 3 SHLR 22
	<i>Hj Tahir bin Jais v Hj Rahmah bt Hasan</i>	[2016] 4 SHLR 34
	<i>Murshida bte Mustakim lwn Hassim bin Abdullah</i>	[2006] 4 SHLR 43
	<i>Hjh Norzanah bt Hj Abidin lwn Pg Hj Jaluyi bin Pg Hj Ismail</i>	[2016] 2 SHLR 1
	<i>Teh bt Ngah lwn Limah bt Ismail &amp; Ors</i>	[2011] 4 SHLR 64
	<i>Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid &amp; Ors</i>	[2014] 3 SHLR 73
	<i>Salmiah binti Che Mat lwn Zakaria bin Hashim</i>	[2001] XIV JH 79
	<i>Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad &amp; Ors</i>	[2013] 1 SHLR 51
	<i>Mohd Mokhtar Hj. Abdullah lwn Fadhilah Hj. Abdullah &amp; 4 yang lain</i>	[2005] 1 JH 138
	<i>Awang bin Abdul Rahman lwn. Shamsuddin bin Awang &amp; lain-lain</i>	[2004] CLJ (Sya) 139
	<i>Raihanah binti Mohd Ali lwn Kamaruddin bin Mohd Nor &amp; lain-lain</i>	[2008] 2 JH 253
<i>Yati Suraya lwn. Supiah Binti Abu</i>	(tidak dilaporkan)	



## I. Penentuan Elemen Hibah, Hadiah dan Sedekah

Dalam sesetengah kes pemberian harta, tidak dinyatakan dengan jelas oleh si pemberi berhubung dengan bentuk niat pemberiannya kepada seseorang sama ada hibah, hadiah ataupun sedekah. Oleh hal yang demikian, mahkamah akan membuat penilaian dan tafsiran berdasarkan bukti dan

keterangan dalam perbicaraan bagi menentukan kategori pemberian yang telah dilakukan oleh individu tertentu. Mahkamah rayuan syariah dalam kes *Muhammad bin Awang & Lain-lain lwn Awang bin Deraman & Lain-lain* [2001] JH 24(2) 165 memutuskan:

Dalam kes ini suatu pemberian telah pun berlaku dan pemberian tersebut dibuat secara percuma dan apabila sesuatu pemberian itu tidak disebut dengan terang dan jelas sama ada ianya hibah atau hadiah atau sedekah, maka ianya perlu kepada tafsiran mengikut suasana dan keadaan berlaku sesuatu pemberian dan juga tuntutan atau permohonan dalam sesuatu kes.

Sekiranya suatu pemberian telah dijelaskan secara nyata oleh pemberi sebagai hibah, maka mahkamah akan terus menerima dan menganggap pemberian tersebut sebagai hibah. Namun begitu, merujuk kes *HH & Ors v HS* [2019] 3 SHLR 11, walaupun sesuatu pemberian itu dinyatakan oleh pemberi sebagai hibah, kebolehlaksanaannya di sisi perundangan adalah tertakluk pada kesempurnaan elemen dan rukun. Dalam kes *Harun Muda dan lain-lain lwn Mandak Mamat* [1999] 1 JH 63, Dato' Haji Ismail bin Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah menjelaskan perbezaan antara hibah, hadiah dan sedekah:

- (a) Pemberian kepada seseorang yang berhajat tanpa ijab dan kabul: sedekah.
- (b) Pemberian kepada seseorang yang berhajat yang disertai ijab dan kabul: Sedekah dan hibah.
- (c) Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu tanpa ijab dan kabul: Hadiah.
- (d) Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu dengan adanya ijab dan kabul: Hadiah dan hibah.
- (e) Pemberian secara umum bukan kerana fokus untuk pahala atau memuliakan orang yang diberi itu dengan disertai ijab dan kabul: Hibah.

Penentuan elemen hibah, hadiah dan sedekah dirumuskan dalam Jadual 4.

Merujuk kes *Ainun bt Arifin lwn Maria bt Arifin & Ors* [2012] 3 SHLR 22, mahkamah berpuas hati bahawa hak yang dituntut oleh plaintif daripada harta pusaka si mati dalam kes ini ialah hadiah yang berdasarkan hukum syarak, bukannya hibah, sedekah atau wasiat. Hal ini dikatakan demikian kerana si mati telah memberikan harta tersebut bagi memuliakan plaintif tanpa disertai lafaz ijab dan kabul. Menerusi penghakiman kes ini,



**Jadual 4** Elemen hibah, hadiah dan sedekah.

	<b>Niat Pemberian</b>		<b>Ijab dan Kabul</b>
	Umum	Memuliakan Penerima	
Hibah	X	X	√
Sedekah	√	√	X
Hadiah	X	√	√
Hibah dan Hadiah	X	√	√
Hibah dan Sedekah	√	X	√

disimpulkan bahawa elemen niat dan lafaz ijab dan kabul ialah aspek yang akan menentukan sama ada sesebuah pemberian itu ialah hibah, hadiah atau sedekah. Hibah hanya akan terbentuk apabila wujudnya elemen niat untuk memberi berserta dengan sebutan pemberian dan penerimaan. Elemen sebutan pemberian dan penerimaan perlu dibuktikan di hadapan mahkamah dalam sesi perbicaraan. Dalam kes *Hj Tahir bin Jais v Hjh Rahmah bt Hasan* [2016] 4 SHLR 34, sekiranya sebutan hibah tidak dibuktikan, pemberian tersebut akan dijustifikasikan sebagai sedekah atau hadiah sahaja.

## **II. Niat Hibah Tanpa Sebutan Pemberian dan Penerimaan**

Sebutan pemberian dan penerimaan ialah rukun hibah yang wajib dipenuhi untuk menjadikan hibah sah. Penerimaan (kabul) sah setelah diterima oleh penerima hibah. Penerimaan tanpa izin tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan (al-Khin *et al.*, 1987). Sighah ijab dan kabul memberikan implikasi bahawa wujudnya niat untuk berakad, secara sukarela dan bebas tanpa paksaan. Dalam kes *Teh bt Ngah lwn Limah bt Ismail & Ors* [2011] 4 SHLR 64, mahkamah memutuskan bahawa lafaz secara nyata seperti berikut ialah sighah ijab dan kabul:

“Ambilah tanah ni (Lot 4728), buatlah rumah”

“Kalau tokki beri, saya nak lah, saya nak buat rumah”

Merujuk kes *Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamid lwn Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors* [2014] 3 SHLR 73, mahkamah mendapati bahawa daripada ketiga-ketiga keterangan saksi plaintif,

tiada satu pun lafaz ijab, iaitu penawaran hibah daripada si mati. Apa-apa yang berlaku adalah sekadar niat atau hasrat untuk memberikan hibah hartanah tersebut seperti lafaz: “*aku nak beri ke anak dan kedai ini hendak bagi kepada anak perempuannya*”. Mahkamah berpandangan bahawa surat pemakluman kelulusan permohonan kebenaran pindah milik yang sebenarnya adalah simbolik bagi hasrat hati si mati untuk menghibahkan hartanah tersebut kepada anak perempuannya telah mendapat kelulusan daripada Menteri Besar. Apabila si mati sebagai pemberi hibah tidak menandatangani Borang 14A Memorandum Pindah Milik, Kanun Tanah Negara, urusan pindah milik tidak sempurna. Oleh hal yang demikian, sebutan pemberian dan penerimaan yang boleh menjadikan hibah sempurna dan sah ialah lafaz yang dibuat menerusi lafaz *madhi* (telah melakukan) ataupun *mudhari* (sedang melakukan). Sekiranya lafaz dilakukan dengan tambahan “nak”, “hendak”, “akan” dan sepertinya, hanya menunjukkan niat atau hasrat pemberi semata-mata untuk melakukan perkara tersebut pada masa akan datang.

### III. PENERIMAAN MENERUSI PERBUATAN TANPA LAFAZ

Dalam isu sama ada berlakunya hibah sekiranya kabul berlaku secara perbuatan, didapati bahawa terdapat dua pendekatan mahkamah syariah, iaitu mengiktiraf atau menolak perbuatan penerimaan tanpa lafaz. Dalam kes *Harun Muda dan Lain-lain lwn Mandak Mamat dan Lain-lain* [1999] 1 JH 63, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu memutuskan bahawa hibah adalah sah menerusi penerimaan secara perbuatan. Namun begitu, dalam kes *Salmiah binti Che Mat lwn Zakaria bin Hashim* [2001] XIV JH 79, Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam Pulau Pinang memutuskan hibah tidak sah sungguhpun kabul kepada ijab sudah berlaku secara perbuatan. Adalah penting untuk dinyatakan di tanpa penerimaan secara sebutan dan perbuatan. Perbezaan keputusan dalam kedua-dua kes di mahkamah tinggi dan rendah syariah tersebut berlaku kerana prinsip duluan mengikat (*binding precedent*) tidak terpakai di mahkamah syariah (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2018). Suwaid (2008) menyatakan bahawa penghakiman di mahkamah syariah adalah berdasarkan sumber rujukan hukum Syarak.

### IV. PEMILIKAN SEMPURNA AL-MAUHUB

Rukun ketiga bagi hibah ialah *al-mauhub*, iaitu barang yang dihibahkan. Dalam kes *Teh bt Ngah lwn Limah bt Ismail & Ors* [2011] 4 SHLR 64,

Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu menjelaskan syarat *al-mauhub* sebagai, (1) dimiliki oleh pemberi hibah (2) bukan orang yang dibatasi haknya kerana sesuatu alasan. Menerusi dua syarat ini, adalah jelas bahawa *al-wahib* boleh memberikan hibah bagi harta yang dimilikinya secara penuh atau sempurna sahaja. Bagi harta hibah tidak alih, pendaftaran milikan hartanah secara rasmi di pejabat tanah diterima oleh mahkamah sebagai wujudnya elemen pemilikan yang sempurna. Sementara itu, harta hibah bercagar dengan harga yang belum dilunasi sepenuhnya dianggap sebagai harta yang masih belum sempurna dimiliki. Dalam isu pemilikan sempurna ini, terdapat tiga pendekatan mahkamah syariah:

(a) Menolak hibah bercagar secara mutlak

Dalam kes *Murshida bte Mustakim lwn Hassim bin Abdullah* [2006] 4 SHLR 43 dan *Awang bin Abdul Rahman lwn. Shamsuddin bin Awang & lain-lain* [2004] CLJ (Sya) 139, mahkamah memutuskan bahawa pemilikan harta yang masih lagi dalam gadaian atau bercagar ialah milik pemegang cagar, iaitu pemindahan hak milik hanya boleh berlaku apabila bayaran selesai dilunaskan. Oleh hal yang demikian, syarat harta yang dihibahkan tidak dipenuhi kerana masih belum lagi dimiliki secara sempurna bahkan masih di bawah tanggungan pemberi hibah. Hibah harta yang belum dimiliki secara penuh boleh menjadikan pemberian tersebut tidak sah dari hukum syarak dan terbatal (rujuk kes *Hjh Norzanah bt Hj Abidin lwn Pg Hj Jaluyi bin Pg Hj Ismail* [2016] 2 SHLR 1). Pendekatan ini cenderung kepada mazhab Syafii dan Hanbali (Mursyidah, 2020).

(b) Membenarkan hibah bercagar tertakluk pada keizinan pemegang gadaian

Mohd Khairy *et al.* (2019) berpandangan bahawa harta bercagar boleh dihibahkan menerusi keizinan daripada pemegang gadaian sahaja. Hal ini bersandarkan masalah masa kini disebabkan oleh kesukaran untuk membeli hartanah secara tunai tanpa bantuan pembiayaan oleh institusi perbankan. Oleh sebab itu, pemilik hartanah sukar menghibahkan harta bercagarnya, sekiranya hibah harta bercagar tidak dibenarkan secara mutlak. Berdasarkan kes *Raihanah binti Mohd Ali lwn Kamaruddin bin Mohd Nor & lain-lain* [2008] 2 JH 253, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu telah menolak permohonan pengesahan hibah disebabkan oleh kegagalan plaintif untuk membuktikan kewujudan keizinan untuk menghibahkan

harta yang berkaitan daripada pembiayaan. Bahkan, mahkamah juga memutuskan bahawa keizinan yang perlu didapatkan perlu bersifat zahir dan tersurat. Oleh sebab itu, tidak menerima perlindungan takaful sebagai suatu keizinan. Pendekatan ini cenderung kepada pandangan dalam mazhab Hanafi (Mursyidah, 2020).

- c) Membenarkan hibah bercagar dengan perlindungan takaful  
Secara kebiasaannya, hartanah bercagar dilindungi oleh takaful atau insurans (MRTA/MRTT) bagi keseluruhan pinjaman atau pembiayaan terbabit. Sekiranya berlaku sesuatu kepada penama takaful, seperti kematian atau hilang keupayaan kekal, baki yang masih dalam pembiayaan akan dilunaskan oleh syarikat takaful. Oleh hal yang demikian, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dalam kes *Yati Suraya lwn. Supiah Binti Abu* (kes tidak dilaporkan) memutuskan bahawa hibah hartanah bercagar adalah sah dengan menerima aspek perlindungan takaful yang terpaut pada harta tersebut walaupun tanpa pemegang izin pemegang gadaian. Pendekatan ini cenderung kepada pandangan mazhab Maliki (Mursyidah, 2020).

## V. Sebutan Pemberian dan Penerimaan secara Elektronik

Sebutan pemberian dan penerimaan dalam hibah ialah sebutan atau perbuatan yang memberikan petunjuk pemberian hibah. Keadaan ini boleh terjadi, sama ada menerusi lisan atau secara dokumen, kerana kaedah fiqh ada menyatakan (al-Zarqa', 2007): "Dokumen adalah sama seperti dengan sebutan (untuk menzahirkan kehendak dan niat di hati)".

Menerusi peredaran dan kemodenan zaman, kini dokumen elektronik juga diiktiraf dan diterima di sisi perundangan. Menurut Wan Abdul Fattah *et al.* (2020), dokumen elektronik merujuk nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau berinteraksi dengan cara elektronik menerusi peralatan elektronik lain dan dapat difahami dan dilihat dengan jelas. Definisi ini mematuhi kandungan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

... apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain ...

Seksyen 49 pula menerima semua dokumen yang terhasil oleh instrumen elektronik sebagai keterangan utama. Oleh sebab itu, menerusi peruntukan ini, disimpulkan bahawa mahkamah syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai satu daripada dokumen, termasuklah dalam konteks hibah. Namun begitu, bagi membolehkan mahkamah menerimanya, dokumen secara elektronik juga perlu dibuktikan seperti dokumen lain menerusi kaedah *iqrar*, syahadah dalam selainnya [Seksyen 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997]. Dalam kes *Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors* [2013] 1 SHLR 51, Hakim Syarie Mohamad Abdullah telah menerima penyerahan dokumen Pengisytiharan Hibah oleh pemohon, Hj Abdul Rahman bin Haji Ahmad menerusi keterangan syahadah oleh dua orang saksi.

## **VI. Qabd dalam Pemberian Hibah**

Elemen penyerahan harta, iaitu *qabd* adalah antara aspek yang menjadi keutamaan untuk dinilai dan dilihat oleh mahkamah untuk menentukan kewujudan atau keabsahan sesuatu hibah. *Qabd* merujuk keizinan yang diberikan oleh pemberi hibah dengan melakukan penyerahan *al-mauhub* kepada penerima menerusi *takhliyah*, iaitu pengosongan, peninggalan atau pelepasan hak. Penerimaan *qabd* ini boleh berlaku sama ada pada ketika *sighah* ijab dan kabul dilafazkan atau selepasnya. Dalam kes *Teh bt Ngah lwn Limah bt Ismail & Ors* [2011] 4 SHLR 64, mahkamah menyatakan bahawa, anugerah hibah, iaitu *qabd*, harus diberikan secara jelas dan nyata. Penerimaan tanpa izin dan penyerahan yang jelas adalah tidak sah. Dalam kes *Salmiah bt Che Hat lwn Zakaria bin Hashim* [JH 2001, Jld.14 Bhg 1 & 2] pula, Hakim Abdul Wahib Hassan menyatakan bahawa elemen yang penting dalam penentuan kesahihah *qabd* adalah berlakunya: (1) penyerahan dan (2) penerimaan, bagi *al-mauhub*:

Hukum Syarak juga menjelaskan lagi walaupun telah berlaku ijab dan kabul secara sah dalam sesuatu hibah, pemilikan barang yang dihibah masih belum boleh dimiliki oleh penerima hibah kecuali barang itu telah diserahkan atau diambil atau dipegang oleh penerima hibah.

*Qabd* boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan keadaan, termasuklah pemberi hibah telah menyerahkan kunci rumah yang belum didiami (Nasrul Hisyam, 2009).

Dalam kes *Mohd Mokhtar Hj. Abdullah lwn Fadhilah Hj. Abdullah & 4 yang lain* [2005] 1 JH 138, mahkamah telah memutuskan bahawa berlaku *qabd* apabila prosedur pertukaran hak milik harta tak alih telah berkuat kuasa. Dalam kes ini, perayu mendakwa bahawa keempat-empat responden tidak menduduki dan menguasai harta tersebut sejak diberikan sehingga kematian ibunya. Oleh sebab itu, hibah adalah tidak sah. Merujuk aspek “tidak menduduki dan menguasai” harta ini, perayu telah berhujah bahawa *qabd* tidak berlaku. Dalam penghakiman, mahkamah memberikan respons kepada isu ini dengan menyatakan bahawa pindah milik hartanah kepada keempat-empat orang responden adalah merujuk dokumen cabutan hak milik. Dengan berlakunya pindah milik menerusi peruntukan undang-undang ini, mahkamah merujuknya sebagai *qabd* yang telah sempurna dalam kes hibah tersebut. Sebaliknya dalam kes *Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors* [2013] 1 SHLR 51, harta yang dihibahkan belum ditukar hak milik kepada penerima hibah. Yang berlaku ialah harta itu diduduki oleh penerima hibah dan segala bayaran utiliti dan kerosakan ditanggung oleh mereka. Oleh sebab itu, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur memutuskan bahawa *qabd* telah wujud menerusi penguasaan penerima hibah terhadap barang yang dihibahkan walaupun urusan pemindahan hak milik tanah tersebut belum diuruskan oleh pemberi hibah.

## KESIMPULAN

Menerusi perbincangan ini, disimpulkan bahawa semua kes yang berkaitan dengan kontrak hibah bukan komersial tertakluk pada bidang kuasa mahkamah syariah. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujudnya kelompangan (*lacuna*) yang besar dalam pelaksanaan hibah, khususnya apabila diputuskan di mahkamah. Hal ini berikutan ketidakwujudan suatu perundangan yang *ditaqninkan* (kodifikasi) sebagai undang-undang statut sebagai satu kaedah penyelarasan. Segala keputusan mahkamah pula ditentukan oleh hukum syarak. Oleh sebab itu, hal ini terdedah pada penerimaan pandangan yang pelbagai disebabkan oleh perbezaan pandangan oleh para sarjana Islam mahupun mazhab. Oleh hal yang demikian, dicadangkan supaya semua Dewan Undangan Negeri di Malaysia menggubal undang-undang hibah yang bersifat spesifik, holistik dan komprehensif sebagai panduan dan piawaian hibah. Pengurusan hibah diharap dapat diperkasakan, seterusnya boleh dilaksanakan dengan berkesan menerusi penggubalan undang-undang hibah yang khusus, di

samping mampu memperkasakan peranan mahkamah syariah dalam mengendalikan kes hibah.

## RUJUKAN

- Ain Najihah. (2014). *Hibah sebagai mekanisme agihan harta melalui produk takaful: Kajian di syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akmal Hidayah Salim & Tajul Aris Ahmad Bustami. (2017). Pelaksanaan hibah amanah sebagai suatu instrumen pengurusan harta Islam di Malaysia. *KANUN*, 2, 90-115.
- Alias Azhar & Mohd Zakhiri Md. Nor. (2019). Hibah in the administration of Islamic property: Ijtihadi elements and reality in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies (JLS)*, 10(2), 103-119.
- al-Khin, M., al-Bugho, M., & al-Sharbaji. A. (1987). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Matba'ah al-Sabah.
- al-Sharbini, M. A. K. (1995). *Mughni al-Muhtaj*. Jil.2. Dar al-Fikr.
- al-Zarqa', A. M. (2007). *Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dar Al-Qalam.
- al-Zuhayli, W. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil.6. Dar al-Fikr.
- Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin & Hasnizam Hashim. (2018). Kaedah-kaedah pembuktian kes hibah di mahkamah syariah di Malaysia: Rujukan kes-kes dalam *Jurnal Hukum. Malaysian Journal of Shariah and Law*, 8(2), 31-40.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. (2013). Peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk memperkasakan sistem kewangan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 38, 127-132.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. (2020) Isu-isu perundangan dalam kedudukan dan peranan statutori Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah (GJATT)*, 10(2), 84-95.
- Mohd Kamil Ahmad & Joni Tamkin Borhan. (2017) Penggunaan hibah bersyarat (berta'liq) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51-74.
- Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zaman & Rosamiza Meor Razak. (2019). Analisis tema terhadap keperluan undang-undang hibah di Malaysia. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 16(1), 1-13
- Mohd Zamro Muda. (2009). Instrumen hibah: Analisis hukum dan aplikasi di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, 2, 1-19.
- Mursyidah Mustafa. (2020). *Perundangan dan pelaksanaan hibah di Malaysia*. Dalam seminar atas talian, Perundangan dan Pelaksanaan Hibah dan Wasiat di Malaysia anjuran Selangor Bar Professional Standards and Development Sub-committee pada 3 Disember 2020.

- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2008). Bidang kuasa hibah di mahkamah syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2009). Elemen qabd (pindahan milikan) dalam hibah: Analisis terhadap keperluan dan pelaksanaannya mengikut perspektif undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 17(2), 243-266.
- Rusni Hassan & Nor Azdilah Mohamad Zaizi. (2020) The concept and application of hibah as a financial instrument from the Malaysian legal perspective: An analysis. *IIUM Law Journal*, 28(1), 227-252.
- Ruzian Markom & Noor Inayah Yaakub. (2015). Litigation as dispute resolution mechanism in Islamic finance: Malaysia experience, *European Journal of Law and Economics*, 40(3), 565-584.
- Ruzian Markom, Sharina Ali Pitchay, Zinatul Ashiqin Zainol, Anita Abdul Rahim, & Rooshida Merican Abdul Rahim Merican. (2013). Adjudication of Islamic banking and finance cases in the civil courts of Malaysia. *European Journal of Law and Economics*, 36(1), 1-34.
- Suwaid Tapah (2008). Penulisan teks penghakiman kes-kes mal di mahkamah syariah. Ruzman Md. Noor (Ed.), *Penulisan teks penghakiman di mahkamah syariah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Mohd Radzniwan A Rashid, Syahirah Abdul Shukor, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Norma Jusof & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2020) Kekuatan dokumen hibah elektronik pesakit Covid-19 dalam situasi maradh al-mawt menurut perundangan Islam. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 2(4), 261-271.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang. (2017). Kehakiman dan penghakiman mahkamah syariah di Malaysia: Satu sorotan. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2), 201-212.